

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP KEMUDAHAN ULANGKAJI DI MASJID AL-AZHAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)

Sahlawati Abu Bakar, Saifulah Samsudin, Syarul Azman Shahrudin, Abu Zaki Ismail
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
sahlawati@kuis.edu.my

ABSTRAK

Masjid merupakan sebuah institusi yang mempunyai pelbagai fungsi seperti tempat untuk beribadah, tempat untuk menyebarkan dan melaksanakan kegiatan dakwah dan tempat menuntut ilmu. Justeru masjid sewajarnya menyediakan kemudahan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dilaksanakan bagi memberikan keselesaan kepada para jemaah. Oleh kerana masjid Al-Azhar merupakan sebuah masjid berstatus masjid institusi maka masjid ini lebih kerap digunakan oleh para pelajar sebagai tempat untuk mengulangkaji pelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan persepsi pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) terhadap kemudahan ulangkaji di Masjid Al-Azhar KUIS. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah kuantitatif dengan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Hasil kajian mendapati persepsi pelajar KUIS terhadap kemudahan ulangkaji di Masjid Al-Azhar mendapat purata min yang tinggi (4.3) namun isu keselamatan mendapat min yang sederhana (2.32) disebabkan masih terdapat kes kehilangan barang peribadi ketika berada di masjid.

Kata kunci: persepsi pelajar, kemudahan, ulangkaji, masjid, KUIS

1. PENGENALAN

Peranan masjid sebagai institusi pendidikan dan pusat penyebaran ilmu sudah bermula semenjak zaman Nabi SAW lagi. Masjid merupakan bangunan awal yang dibina oleh Baginda SAW sebagai tempat untuk menyebarkan ilmu dan dakwah dan fungsi yang lain seperti sebagai tempat menjalankan ibadah solat, sebagai tempat berbincang, sebagai tempat berniaga dan sebagainya.

Pada masa kini, masjid dibina berdasarkan kepada keadaan dan keperluan masyarakat setempat seperti masjid jamik, masjid karyah dan masjid institusi. Kajian ini akan menyentuh mengenai status masjid institusi yang terletak berhampiran dengan institusi pengajian. Jika disorot dari aspek sejarah, sistem pendidikan Islam terawal bermula di masjid yang dikenali sebagai al-suffah dan al-kuttab. Di zaman Rasulullah s.a.w. terdapat satu ruangan khas yang bersambung dengan Masjid Nabi dikenali sebagai al-suffah. Sebagai masjid yang berstatus institusi, masjid sepatutnya menyediakan kemudahan mengulangkaji yang mampu memberikan keselesaan kepada para pelajar. Selain itu ianya juga berkesan dalam membantu mengimarahkan masjid sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Taubah ayat 18:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنْ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَلَمْ يَحْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ
أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴿١٨﴾

Maksudnya:

Hanya yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan Hari kemudian, serta tetap mendirikan shalat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada siapapun) selain kepada Allah, maka merekalah orang-orang yang diharapkan termasuk golongan orang-orang yang mendapat petunjuk

2. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian akan membincangkan dua konstruk kajian iaitu demografi responden dan persepsi pelajar terhadap kemudahan mengulangkaji di masjid Al-Azhar.

Demografi Responden

Berikut merupakan jadual yang merangkumi latar belakang responden kajian seperti berikut:

Jadual 1 Demografi Responden

Item		Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	30	44.1
	Perempuan	38	55.9
Umur	<20	6	8.8
	20-25	59	86.8
	26-30	3	4.4
Tahap Pengajian Semasa	Diploma	36	52.9
	Sarjana Muda	29	42.6
	Sarjana	3	4.4
Fakulti	Fakulti Pengajian Peradaban Islam	56	82.4
	Fakulti Pengurusan & Muamalah	4	5.9
	Fakulti Syariah & Undang-Undang	6	8.8
	Fakulti Sains & Teknologi	1	1.5
	Maklumat	1	1.5
	Fakulti Pendidikan	1	1.5
Tahun	Satu	5	7.4

Pengajian	Dua	32	47.1
	Tiga	16	23.5
	Empat	15	22.1

Sumber: Borang soalselidik

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini melibatkan seramai 68 orang responden yang terdiri daripada 30 orang lelaki dan 38 orang perempuan. Majoriti daripada responden adalah berumur 20-25 tahun iaitu sebanyak 59 orang (86.8%) dan diikuti kurang daripada 20 tahun iaitu seramai 6 orang (8.8%). Dari sudut tahap pendidikan, kebanyakan responden merupakan pelajar di peringkat diploma iaitu 36 orang (52.9%) kemudian diikuti di peringkat sarjana muda seramai 29 orang (42.6%) dan di peringkat sarjana seramai 3 orang (4.4%). Bagi Fakulti pula majoriti responden terdiri daripada pelajar di Fakulti Pengajian Peradaban Islam iaitu seramai 56 orang (82.4%), Fakulti Pengurusan & Muamalah 4 orang (5.9%), Fakulti Syariah & Undang-Undang 6 orang (8.8%), Fakulti Sains & Teknologi Maklumat dan Fakulti Pendidikan masing-masing seorang (1.5%). Daripada 68 orang responden, seramai 5 orang (7.4%) ialah pelajar tahun satu, 32 orang (47.1%) ialah pelajar tahun dua, 16 orang (23.5%) ialah pelajar tahun tiga dan 15 orang (22.1%) ialah pelajar tahun empat.

Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Mengulangkaji Di Masjid Al-Azhar, KUIS

Pengukuran persepsi pelajar terhadap kemudahan mengulangkaji di masjid Al-Azhar melibatkan 12 soalan yang diukur dengan menggunakan skala Likert iaitu dengan lima skala pengukuran (sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju). Bagi menilai tahap min setiap item yang dikaji maka jadual di bawah adalah interpretasi dapatan kajian untuk menggambarkan tahap min pembolehubah yang ingin dikaji:

Jadual 2 Analisis Min

Skor Min	Tahap Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi
4.01-5.00	Sangat Tinggi

Berikut dipaparkan jadual dapatan kajian mengenai persepsi pelajar terhadap kemudahan mengulangkaji di masjid Al-Azhar, KUIS.

Jadual 3 Persepsi Pelajar Terhadap Kemudahan Mengulangkaji Di Masjid Al-Azhar, KUIS

Bil.	Perkara	Min	Interpretasi
1	Ruang untuk mengulangkaji di masjid adalah mencukupi.	4.35	Tinggi
2	Persekitaran mengulangkaji di dalam masjid adalah sesuai dan selesa.	4.37	Tinggi
3	Kemudahan kipas mencukupi.	4.03	Tinggi
4	Kemudahan lampu mencukupi.	4.26	Tinggi
5	Kemudahan rehal mencukupi.	3.91	Tinggi
6	Kemudahan tandas masjid adalah selesa	3.12	Tinggi
7	Tahap kebersihan masjid adalah memuaskan	4.12	Tinggi
8	Kemudahan air minuman (<i>water dispenser</i>) yang disediakan mencukupi.	4.34	Tinggi
9	Kemudahan untuk orang kurang upaya ada disediakan.	3.97	Tinggi
10	Saya boleh mengulangkaji di masjid pada bila-bila masa sahaja tanpa batasan waktu.	4.22	Tinggi
11	Saya memerlukan loker berkunci untuk meletakkan barang-barang berharga seperti laptop dan sebagainya.	4.28	Tinggi
12	Saya tidak bimbang akan kehilangan barang-barang berharga ketika belajar di masjid.	2.32	Sederhana
Nilai min keseluruhan		3.94	Tinggi

Sumber: Borang soalselidik

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian mengenai persepsi pelajar terhadap kemudahan mengulangkaji di masjid Al-Azhar, KUIS. Nilai min keseluruhan persepsi pelajar terhadap kemudahan mengulangkaji di masjid Al-Azhar, KUIS ialah 3.94. Hal ini bermakna persepsi pelajar terhadap kemudahan mengulangkaji di masjid Al-Azhar, KUIS berada pada tahap yang tinggi (rujuk analisis min pada Jadual 2).

Jika dilihat secara terperinci bagi setiap pernyataan persepsi pelajar terhadap kemudahan mengulangkaji di masjid Al-Azhar, KUIS, ia menunjukkan sebelas item berada pada tahap tinggi iaitu; Ruang untuk mengulangkaji di masjid adalah mencukupi (min 4.35), Persekitaran mengulangkaji di dalam masjid adalah sesuai dan selesa (min 4.37), Kemudahan kipas mencukupi (min 4.03), Kemudahan lampu mencukupi (min 4.26), Kemudahan rehal mencukupi (min 3.91), Kemudahan tandas masjid adalah selesa (min 3.12), Tahap kebersihan masjid adalah memuaskan (min 4.12), Kemudahan air minuman (*water dispenser*) yang disediakan mencukupi (min 4.34), Kemudahan untuk orang kurang upaya ada disediakan (min 3.97), Saya boleh mengulangkaji di masjid pada bila-bila masa sahaja tanpa batasan waktu (min 4.22), Saya memerlukan loker berkunci untuk meletakkan barang-barang berharga seperti laptop dan sebagainya (min 4.28). Manakala hanya satu item sahaja yang berada pada tahap sederhana iaitu; Saya tidak bimbang akan kehilangan barang-barang berharga ketika belajar di masjid (min 2.32).

3. PERBINCANGAN

Item 1, 2 dan 10 merupakan persepsi pelajar terhadap kemudahan tempat belajar yang disediakan di masjid. Kajian menunjukkan responden sangat bersetuju masjid menyediakan ruang yang mencukupi untuk mengulangkaji serta persekitaran yang selesa. Para pelajar juga boleh mengulangkaji di masjid pada bila-bila waktu tanpa batasan waktu berbanding di tempat lain di dalam kampus seperti di bilik seminar atau perpustakaan. Ini adalah kerana masjid merupakan kawasan yang terbuka kepada pandangan awam dan selamat daripada sebarang bentuk fitnah. Tambahan pula kawasan di masjid dibahagikan kepada kawasan muslimin dan muslimat. Masjid institusi lazimnya dijadikan sebagai tempat mengulangkaji kerana lokasinya yang berhampiran dengan kawasan kampus. Kajian yang dilakukan oleh N. Utaberta et al (2010) menjelaskan bahawa masjid yang terletak di dalam kawasan kampus sering menjadi tempat kunjungan pelajar bagi beribadat, mengulangkaji pelajaran dan juga beristirahat. Lokasi masjid yang berhampiran dengan tempat kuliah akan menjadikan masjid sebagai destinasi pelajar menghabiskan masa untuk mengulangkaji. Maka masjid berperanan sebagai penyumbang besar terhadap perkembangan pelajaran dan pendidikan serta menjadi sebuah institusi terpenting dalam pembelajaran (Zulkiflee Haron et al, 2008)

Bagi item 3,4,5,6,7,8 dan 9 merupakan persepsi pelajar terhadap kemudahan prasarana masjid. Pelajar bersetuju bahawa item 3 kemudahan kipas, item 4 kemudahan lampu, item 5 kemudahan rehal dan item 8 kemudahan air minuman adalah memuaskan dan mencukupi. Bagi kemudahan tandas iaitu item 6 dan 7, walaupun mendapat min yang tinggi iaitu 3.12 namun jika dibandingkan dengan min-min yang tinggi (4.00 ke atas), min ini masih boleh dianggap sederhana. Lokasi tandas yang agak jauh daripada kawasan masjid berkemungkinan menyebabkan sedikit kesulitan bagi pelajar menggunakan kemudahan ini. Ini berkemungkinan rata-rata masjid memisahkan tandas dengan masjid kerana terdapat pendapat yang menyatakan bahawa ruang solat tidak boleh berada sebungkus dengan tandas Muhammad Tajuddin (1999). Bagi masjid yang baru dibina kedudukan tandas tidak

menjadi isu kerana telah dirancang dengan baik namun bagi masjid yang sedia terbina kedudukan tandas kadangkala dibina berdasarkan ruang kawasan yang terhad dan terbatas. Oleh itu bagi memberikan keselesaan kepada pengguna, lokasi tandas yang dibina perlu dirancang sebaiknya bagi menjaga kebersihan masjid dari aspek bau dan kebersihan (N. Utaberta et al, 2010) serta menepati keselesaan pengguna terutamanya kaum wanita dan golongan tua.

Bagi item 9 pula iaitu kemudahan orang kurang upaya, responden bersetuju dengan kemudahan yang disediakan oleh masjid. Masjid Al-Azhar KUIS menyediakan kemudahan kerusi roda dan laluan khas untuk pengguna yang berkerusi roda. Pelajar orang kurang upaya boleh menggunakan kemudahan ini semasa sesi pembelajaran di masjid ataupun untuk beribadat dan mengulangkaji. Tugas memakmurkan masjid juga berhak dilakukan oleh orang kurang upaya seperti yang dinyatakan dalam hadis berikut.

Terdapat sebuah hadis yang menceritakan bahawa orang kurang upaya juga tidak terkecuali dalam menunaikan solat berjemaah di masjid selagi rumahnya itu dapat di dengari suara azan seperti hadis Shahih Muslim berikut (321:194): Diriwayatkan dari Abu Hurairah r.a.: Seorang laki-laki buta pernah datang kepada Rasulullah s.a.w. dan bertanya, “Wahai Rasulullah, saya tidak punya penuntun untuk pergi ke masjid.” Orang itu minta keringanan kepada Rasulullah s.a.w. untuk mengerjakan shalat di rumahnya saja. Beliau memperbolehkannya. Setelah pulang, orang tersebut dipanggil lagi dan beliau bertanya, “Apakah kamu mendengar seruan shalat (azan)?” Orang itu menjawab, “Ya.” Beliau bersabda, “Penuhilah panggilan itu (pergilah ke masjid)!”.

Hadis di atas jelas menyatakan kewajipan ke atas orang yang buta untuk datang berjemaah di masjid. Justeru bagi memudahkan pergerakan orang kurang upaya kemudahan yang terdapat di masjid haruslah dibina berdasarkan keperluan mereka (Abu Saif 2009). Masjid Al-Azhar KUIS juga didapati tiada pengkhususan untuk petak orang kurang upaya di tempat meletak kenderaan. Selain itu tanjakan disediakan pada semua tempat yang mempunyai anak tangga.

Akhir sekali ialah item 11 dan 12 iaitu aspek keselamatan masjid. Responden sangat bersetuju bahawa terdapat keperluan loker berkunci untuk meletakkan barang berharga seperti laptop dan sebagainya. Oleh kerana majoriti pengguna masjid ialah pelajar maka rata-rata pelajar menghadapi masalah ketika membawa laptop ke masjid. Menurut N. Utaberta et al (2010), masjid memerlukan pengawasan selama dua puluh empat jam daripada pihak pengurusan bagi mengawasi keselamatan masjid. tambahan pula masjid al-Azhar KUIS adalah tempat yang dikunjungi bukan sahaja daripada kakitangan KUIS dan pelajar tetapi juga daripada orang awam. Pihak masjid al-Azhar KUIS telah memasang beberapa kamera litar tertutup bagi tujuan pengawasan barang peribadi namun kelemahan yang tidak dapat dielakkan ialah kejadian kecurian biasanya berlaku ketika jemaah sedang mendirikan solat berjemaah dan kamera litar tertutup hanya dapat dilihat selepas selesai solat berjemaah. Maka ianya selari dengan dapatan kajian pada item 12 yang mendapat min sederhana iaitu pelajar bimbang kehilangan barang berharga ketika berada di masjid. Di sini terdapat kepentingan dalam kalangan masyarakat serta kepentingan amalan mencegah kemungkaran (Ezad 2010)

4. KESIMPULAN)

Tuntas daripada hasil kajian ini menunjukkan bahawa secara umumnya penglibatan responden yang terdiri daripada para pelajar di KUIS bersetuju dengan tahap kemudahan yang memuaskan di masjid al-Azhar. Kajian ini boleh dilanjutkan dengan melihat aspek kemudahan komunikasi dan teknologi yang menjadi minat dan tumpuan utama pelajar memilih tempat untuk mengulangkaji. Pihak masjid sewajarnya mengambil kesempatan untuk menggalakkan para pelajar berkunjung ke masjid dengan menyediakan kemudahan teknologi terkini sesuai dengan generasi moden.

5. RUJUKAN

- Ezad Azraai Jamsari et al (2010). Peranan Dan Sumbangan Institusi Masjid Dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam Di Singapura: Satu Kajian Di Masjid Assyafaah, Sembawang. *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 2(2), 31-44.
- Fakhrul Adabi Abdul Kadir (2007). Keberkesanan Kelas Agama Di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor. *Jurnal Usuluddin* Bil 25, 73-88
- Mohd Ismail Mustari Kamarul Azmi Jasmi (2008). *Fungsi Dan Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Utaberta, H. Othman, M . (2010). Dokumentasi, Analisis Dan Penggunaan Hadith: Satu Penilaian Keatas Rekabentuk Masjid Moden Di Malaysian. *Journal of Building Performance* Volume 1 Issue 1, 29-56.